

Proklamasi Orang Melayu

'PAS, BERSATU memperguna pengaruh Dr Mahathir'

Batu Pahat: Perikatan Nasional (PN) terutama PAS dan BERSATU didakwa mahu mempergunakan Tun Dr Mahathir Mohamad melalui Proklamasi Orang Melayu kerana mereka yakin bekas Perdana Menteri itu masih mempunyai pengaruh.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata beliau tidak hairan apabila parti dalam PN itu bergabung dengan Dr Mahathir kerana mereka juga mahu menggunakan isu orang Melayu pada Pilihan Raya Negeri (PRN) tidak lama lagi.

"Hakikatnya PAS dan BERSATU yakin Dr Mahathir masih ada pengaruh, manakala beliau (Dr Mahathir) mahu menggunakan kedua-dua parti itu untuk

kembali relevan.

"Masing masing PAS, BERSATU dan Dr Mahathir mahu menggunakan antara satu dengan lain untuk menumbangkan Kerajaan Perpaduan sedia ada," katanya ketika dihubungi.

Media sebelum ini melaporkan Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang serta beberapa pimpinan kanan parti itu menandatangani proklamasi itu.

Laporan juga menyebut beberapa pemimpin BERSATU dan UMNO atas kapasiti peribadi masing-masing menandatangani.

Ditanya mengenai tindakan pemimpin nombor dua Gerakan iaitu sekutu dalam PN yang kecewa apabila PAS dan BERSATU menyokong Proklamasi Orang

Melayu, Mohd Puad berkata, parti itu tidak sepatutnya merungut apabila rakan mereka menyokong proklamasi itu.

Katanya, Gerakan sendiri memilih PN untuk kekal relevan selepas terkubur dan tidak dipedulikan, namun hidup kerana jawatan senator atas ihsan PN.

Dakwa bukan berbau politik

Sementara itu, Sekretariat Gerakan Proklamasi Orang Melayu, Datuk Seri Abu Hassan, mendakwa gerakan itu adalah wadah untuk mengenal pasti permasalahan orang Melayu bagi mencari solusi efektif secara berkekalan dan bukannya berbau politik.

"Apa yang sedang diusahakan oleh Tun Dr Mahathir Moha-

mad, Tan Sri Abdul Hadi Awang bersama pemimpin Melayu lain bukanlah agenda politik untuk menjatuhkan kerajaan dan sebagainya.

"Kita hanya mahu memperkasakan semula kedudukan orang Melayu dalam segenap bidang, di samping menghormati hak kaum lain seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan," katanya dalam kenyataan.

Beliau juga menjemput Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (AMANAH), Khalid Abd Samad, ke Sekretariat Proklamasi Orang Melayu bagi diberi pencerahan mengenai teras perjuangan secara 'tidak berpartisan' dan bukan bermotifkan politik.

Hakikatnya PAS dan BERSATU yakin Dr Mahathir masih ada pengaruh, manakala beliau (Dr Mahathir) mahu menggunakan kedua-dua parti itu untuk kembali relevan



Dr Mohd Puad Zarkashi, Ahli Majlis Tertinggi UMNO